(c) Sebut Harga yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

### 2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Naskhah Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebutharga boleh menghubungi Pegawai untuk penjelasan lanjut.

## 3. TEMPOH SIAP KERJA

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak UTM

## 4. BAYARAN NASKHAH SEBUT HARGA

Tiada bayaran dikenakan untuk naskah sebutharga ini.

## 5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

## 6. PERINGATAN MENGENAI RASUAH

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk mencegah dan membendung perlakuan rasuah, berikut disenaraikan peringatan mengenai kesalahan rasuah :

6.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

6.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

6.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Penyebutharga atau Pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

6.4 Mana-mana Penyebutharga atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

## 7. PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT*

7.1 Kesemua Penyebutharga hendaklah memastikan **Surat Akuan Pembida** diisi dengan lengkap dan ditandatangani serta dikepilkan bersama Naskhah Sebut Harga. Surat Akaun Pembida adalah pengisytiharan Penyebutharga bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Universiti Teknologi Malaysia atau mana-mana individu individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga yang disertai. Surat Akuan Pembida hendaklah dikemukakan bersama **Surat Perwakilan Kuasa.**

7.2 Penyebutharga yang berjaya hendaklah mengisi dengan lengkap dan menandatangani **Surat Akuan Pembida Berjaya** bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Universiti Teknologi Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai

ganjaran mendapatkan sebut harga yang disertai. Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah dikemukakan bersama **Surat Perwakilan Kuasa.**

7.3 Penyebutharga yang didapati menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk dipilih atau ganjaran mendapatkan mana-mana sebut harga Universiti Teknologi Malaysia, bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

a) Penarikan balik tawaran kontrak sebut harga; atau
b) Penamatan kontrak sebut harga; dan
c) Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang masih berkuatkuasa.

**8. TEMPOH SAH SEBUT HARGA**

Sebut Harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebutharga tidak boleh menarik balik sebut harga sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harga sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

**9. DENDA LEWAT PENGHANTARAN**

Penyebutharga akan dikenakan denda lewat penghantaran jika bekalan/perkhidmatan diterima oleh UTM selepas tarikh yang telah ditetapkan.

---

* Hendaklah diisi oleh Pegawai Mengurus Sebut Harga

** Pengiraan harga Naskhah Sebut Harga hendaklah dibuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi SPP yang terkini.

## SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

### 1.0 UMUM

a) Syarikat adalah bertanggungjawab ke atas kerja-kerja menyelenggara, menuai dan memasarkan ladang kelapa sawit UTM, Skudai, Johor selama tempoh kontrak.

b) Baja-baja serta kimia-kimia pertanian yang dibekalkan dalam kerja ini hendaklah bermutu tinggi dan mengikut jenis-jenis yang telah ditetapkan serta dipastikan supaya tidak mencemar alam sekitar.

c) Segala peralatan, tenaga buruh, kenderaan, jentera dan kelengkapan yang perlu digunakan adalah di bawah tanggungjawab syarikat.

d) Peralatan, mesin atau kenderaan ladang yang disediakan hendaklah di dalam keadaan baik dan mencukupi supaya kerja-kerja dapat dijalankan dengan lancar dan sempurna.

### 2.0 LOKASI KAWASAN LADANG

Kawasan kontrak ini adalah seperti yang diwarnakan di dalam Pelan G01 pada **Lampiran 2**.

### 3.0 PENILAIAN PADA KUALITI KERJA

a) Syarikat dikehendaki menjalankan kerja yang bermutu dan memuaskan hati Pegawai Bertanggungjawab. Sekiranya terdapat kualiti kerja yang tidak memuaskan pada pendapat Pegawai Bertanggungjawab, maka pihak UTM berhak mengarahkan pemborong melakukan semua kerja dengan kos yang ditanggung sendiri oleh Syarikat.

b) Sekiranya didapati kerja berkenaan masih tidak memuaskan atau sama sekali tidak dilakukan semula setelah melewati tarikh yang ditetapkan maka UTM akan menuntut gantirugi atau membabitkan wang deposit jaminan / *perfomance bon* Syarikat berdasarkan jumlah harga yang telah ditetapkan di dalam Ringkasan Sebutharga atau Jadual Kadar Harga dalam tawaran ini.

### 4.0 PENDAFTARAN PEKERJA

a) Syarikat dikehendaki menghantar salinan nama-nama kakitangan dan pekerja yang terlibat dengan kerja-kerja ladang nombor kad pengenalan atau permit kerja serta salinannya kepada Pejabat Keselamatan UTM untuk tujuan pendaftaran. Selain itu pihak Syarikat hendaklah menyediakan buku rekod kehadiran harian pekerja / kakitangan dan buku lawatan pelawat. Buku rekod kehadiran pekerja/kakitangan Syarikat tersebut hendaklah sentiasa dikemaskinikan dan disahkan untuk semakan oleh pihak UTM pada bila-bila masa.

b) Pihak UTM berhak pada bila-bila masa jika mendapati mana-mana pekerja / kakitangan yang memberi khidmat atau berkelakuan yang tidak memuaskan

atau sumbang dan boleh menjatuhkan imej UTM maka pekerja / kakitangan tersebut boleh dikeluarkan dari kawasan kerja dengan serta merta tanpa sebarang notis. Syarikat dipertanggungjawabkan dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengusiran tersebut.

c) Menguruskan dan menyelenggara fasiliti dan aset secara professional dengan mengambilkira hal ehwal dan polisi berkaitan kesihatan, keselamatan dan kelestarian perniagaan.

## 5.0 PERINGATAN DAN LARANGAN

Syarikat adalah diingatkan dan dilarang dari perkara-perkara berikut:-

a) Mengotorkan jalanraya yang menghubungi jalan ladang dengan sampah, tanah atau sebarang jenis kotoran. Tanggungjawab Syarikat untuk membersihkan semua jalanraya sekiranya perkara tersebut terjadi.
b) Membakar atau memulakan sebarang kebakaran di dalam kawasan kerja. Sekiranya terjadi kebakaran, pihak pemborong adalah dipertanggungjawabkan terus untuk memadamkannya.
c) Menyediakan tenaga kerja selain dari tenaga kerja yang mengikut dan mematuhi syarat-syarat dan undang-undang Buruh Kerajaan Malaysia termasuk Akta Pekerja 1955 dan Akta Imigresen Kerajaan Malaysia.
d) Membenarkan selain dari kakitangan atau pekerja sendiri atau kakitangan UTM yang berkenaan daripada memasuki kawasan kerja.
Sebarang kemasukan / penceroboh asing hendaklah segera dilaporkan kepada Unit Keselamatan UTM atau Pegawai Bertanggungjawab atau wakilnya.
e) Dilarang membina bangunan / perumahan / kediaman kekal.

**6.0** Semua kos-kos yang terlibat dengan kerja-kerja yang telah disenaraikan di dalam semua operasi ladang samada secara langsung atau tidak langsung termasuk membekal pekerja dan bahan-bahan kimia pertanian adalah ditanggung oleh Syarikat.

## 7.0 SKOP KERJA

Syarikat diminta menguruskan Ladang UTM seluas 1050 ekar yang telah ditanam dengan tanaman getah dan kelapa sawit. Kerja-kerja pengurusan adalah merangkumi skop berikut:-

a) Kerja-kerja Awalan (Preliminaries)
b) Kerja-kerja Penyeliaan, Pentadbiran Utama
c) Kerja-kerja Penyelenggaraan Ladang
d) Kerja-kerja Penuaian, Mengangkut dan Memasarkan Hasil Ladang
e) Kerja-kerja Perekodan Inventori Pokok di Ladang

### 7.1 <u>Kerja-kerja Awalan (Preliminaries)</u>

Perkara-perkara yang termasuk di dalam kerja-kerja Awalan (Preliminaries) adalah seperti berikut:-

7.1.1 <u>Bon Perlaksanaan / *Perfomance Bond* / Deposit Jaminan</u>

Syarikat yang berjaya dikehendaki membuat pembayaran Bon Perlaksanaan / *Perfomance Bond* / Deposit Jaminan sebelum kerja-kerja

dijalankan berjumlah **dua (2) bulan** pembayaran dari pembayaran bulanan yang ditawarkan. Ianya akan diambil oleh UTM sekiranya Syarikat melanggar syarat-syarat kontrak sebagai gantirugi mengikut nilai kerugian yang dialami oleh pihak UTM.

7.1.2 <u>Insurans</u>

Syarikat hendaklah atas nama kerajaan dan pemborong mengambil polisi-polisi insurans seperti berikut:-

a) Insuran Pampasan Pekerja (*Workman Compesation*) dan/atau mengemukakan Nombor Pendaftaran PERKESO bagi kesemua pekerjanya.
b) Insuran Liabiliti Awam dan/atau insuran kerja (sekiranya dinyatakan) bagi tempoh perlaksanaan kerja ini.

Kesemua polisi insuran yang tersebut perlu dikemukakan kepada UTM sebelum sebarang kerja-kerja di ladang berkenaan dijalankan. Bagi maksud memudahkan kerja, '*cover note*' insuran boleh diserahkan dahulu sementara menunggu dikeluarkan oleh pihak Insuran dan diserahkan kepada pihak UTM untuk pengesahan.

7.1.3 <u>Penyediaan Belanjawan Tahunan</u>

Belanjawan tahunan ladang hendaklah dikemukakan kepada pihak UTM sebelum atau pada awal bulan pertama mula kerja dan pada bulan yang sama di tahun-tahun berikutnya. Isi kandungan Belanjawan hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya anggaran hasil dan pendapatan tahunan perbelanjaan-perbelanjaan operasi yang terlibat, jumlah kakitangan serta jangkaan cuaca tahunan.

Semua operasi/aktiviti ladang sebenar hendaklah berpandukan kepada belanjawan yang telah disahkan oleh syarikat. Laporan bulanan dan tahunan ladang hendaklah berpandukan kepada belanjawan yang telah dikemukakan.

7.1.4 <u>Lesen-lesen Operasi Ladang</u>

Syarikat dikehendaki mendapatkan sendiri lesen-lesen untuk pengendalian operasi ladang yang berkenaan serta mengikuti syarat-syaratnya daripada pihak-pihak berkuasa tertentu seperti Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Pendaftaran dan Perlesenan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORLA) dan lain-lainnya.

## 7.2 Kerja-kerja Penyeliaan Dan Pentadbiran Utama

7.2.1 <u>Menyediakan Pejabat Sementara</u>

a) Sebuah pejabat sementara merupakan kabin berukuran 10' x 20' yang dilengkap sekurang-kurangnya dengan dua buah meja, 5 buah kerusi dan sebuah kabinet besi hendaklah ditempatkan pada lokasi yang sama (atas arahan UTM) dan menjadi pusat operasi ladang sepanjang tempoh kontrak. Kabin berkenaan adalah menjadi milik Syarikat di akhir kontrak.
b) Pejabat sementara berkenaan hendaklah diselenggara dengan baik supaya bersih dan kemas sepanjang tempoh kontrak.

7.2.2 Membina Papantanda

Dua buah papan tanda hendaklah dibina sepertimana lukisan diluluskan oleh Pegawai Bertanggungjawab dan ditempatkan di lokasi-lokasi yang ditandakan pada lukisan G01.

7.2.3 Melantik Seorang Pengurus Ladang

Seorang bertaraf Pengurus Ladang hendaklah dilantik oleh Syarikat bagi memimpin dan mengendalikan operasi pengurusan ladang disepanjang tempoh kontrak.

Pengurus Ladang yang dilantik mestilah sekurang-kurangnya mempunyai kelayakan Ijazah / Diploma dalam pengurusan ladang atau mempunyai pengalaman dalam kerja pengurusan ladang melebihi 2 tahun dengan menyertakan sijil-sijil dan dokumen yang berkaitan.

Pengurus Ladang hendaklah melawat dan berada di ladang untuk tempoh 2 hari sekali dan (tidak sepenuh masa) pada setiap bulan bagi menyelidik, mengawasi serta mengenalpasti masalah yang timbul di ladang dan membuat keputusan dan arahan kepada pekerja ladang bagi mengatasi masalah tersebut. Beliau juga dikehendaki membuat laporan lawatan bulanan berkenaan yang dimajukan kepada penyeliaan ladang/wakil tapak dan UTM dalam buku 'Laporan Bulanan Penasihat Tanaman'.

**MEMBUAT JANGKA HASIL DAN PENDAPATAN LADANG**

Pengurus Ladang adalah diminta menganalisa, menilai keadaan semasa dan menganggarkan hasi pendapatan dari keadaan ladang sedia ada. Pihak UTM tidak akan terikat dengan perubahan (risiko) hasil sebenar sepanjang tempoh kontrak.

Pengurus Ladang juga mestilah berkebolehan membuat Belanjawan Tahunan Ladang serta Laporan Kemajuan Tahunan Ladang untuk diserahkan kepada pihak UTM. Beliau juga mestilah berupaya mengawal penggunaan belanjawan yang telah dibuat dengan baik.

Selain itu, beliau juga hendaklah berkebolehan menyediakan Laporan Bulanan Ladang pada setiap akhir bulan untuk diserahkan kepada pihak UTM selewat-lewatnya pada 14 haribulan pada bulan yang berikutnya.

Laporan bulanan hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya hal-hal seperti kenderaan, fizikal ladang, kewangan, kakitangan dan cuaca diladang yang telah disahkan oleh Pegawai Bertanggungjawab atau wakilnya.

Senarai lengkap kakitangan, buruh-buruh ladang serta kenderaan ladang yang terlibat hendaklah diserahkan pada sebelum/awal bulan pertama kerja bersama-sama dengan Belanjawan Tahunan.

7.2.4 Wakil Tapak/Penyelia Ladang

Seorang bertaraf Penyelia Ladang hendaklah dilantik oleh Syarikat bagi memimpin dan mengendalikan operasi pengurusan ladang disepanjang tempoh kontrak.

Penyelia Ladang yang dilantik mestilah mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya Sijil Pertanian atau Pengurusan Ladang atau individu yang mempunyai pengalaman dalam kerja pengurusan ladang melebihi 2 tahun dengan menyertakan sijil-sijil dan dokumen yang berkaitan.

Wakil tapak atau Penyelia Ladang yang dilantik hendaklah berupaya mengawasi, mengatur serta melatih kakitangan bagi tujuan pengagihan kerja harian, pembahagian peralatan, mesin, kenderaan serta bahan-bahan pertanian.

Beliau juga hendaklah mencatat/merekodkan segala aktiviti harian di ladang serta mengesahkan semua pengeluaran hasil-hasil dari ladang untuk diisi dalam buku laporan bulanan.

## 7.3 Perkhidmatan Penyelenggaraan Ladang

**Skop perkhidmatan penyelenggaraan ladang Kelapa sawit**

7.3.1 Merumpai pada baris dan secara bulatan

Penyemburan bancuhan racun rumpai (a.i. *paraquat diclorida dan Ally*) bagi mengawal pertumbuhan rumput rumpai dan anak-anak kayu kecil dengan kekerapan sebanyak 2 pusingan setahun antara selang masa yang betul.

7.3.2 Meracun Lalang

Penyemburan secara pilihan terhadap rumpai lalang dengan bancuhan a.i *glyphosate* pada kekerapan/ulangan 2 kali setahun selang masa antara semburan ialah selama 6 bulan.

7.3.3 Menebas Anak-anak Pokok Liar

Anak-anak pokok liar yang tumbuh dalam kawasan ladang hendaklah ditebas dengan parang atau mesin yang sesuai. Kerja-kerja dilakukan sebanyak 2 pusingan setahun pada masa yang sesuai.

7.3.4 Menyelenggara Jalan Dan Jambatan

Menutup/menampal jalan ladang (sepanjang 130 rantai) yang becak/berlopak dengan tanah *laterite* atau batu baur sebanyak 2 pusingan setahun.
Tujuannya supaya jalan tersebut sentiasa boleh digunakan oleh kenderaan ladang yang mengangkut hasil untuk keluar-masuk.

7.3.5 Mencantas Pelepah

Selain dari cantasan semasa menuai, cantasan tahunan hendaklah dilakukan sebanyak 2 pusingan setiap tahun.

7.3.6 Cantasan Pelepah di Kiri Kanan Jalan

Pelepah-pelepah kelapa sawit yang tumbuh menjalar serta melindungi sinaran cahaya matahari dari sampai ke permukaan

jalan lapang perlu dicantas dengan kekerapan 2 pusingan setahun. Cantasan perlu dibuat pada jalan sepanjang 130 rantai dan pelepah yang dipotong perlu disusun di antara baris tanaman.

7.3.7 Membersih Parit

Parit-parit saliran sepanjang 50 rantai perlu dibersihkan secara menebas dan menarik ke atas tebing supaya pengaliran air tidak tersekat terutamanya musim hujan. Kekerapan kerja ini perlu dilakukan sebanyak sekali setahun.

7.3.8 Pembajaan

Pembajaan mestilah berdasarkan kepada lapuran penasihat teknikal Agronomi dari pihak-pihak profesional yang bertauliah atau berdasarkan kepada panduan pembajaan pokok kelapa sawit tahunan berikut:-

a. Bulan Mei - 1800 gm A.S/pokok

b. Bulan Mei - 1800 gm MOP/pokok

c. Bulan Julai - 2500 gm GML/pokok

d. Bulan November - 3000 gm NK/pokok

**Penyelenggaraan Ladang Getah**

7.3.9 Merumpai pada baris dan secara bulatan

Merumpai secara manual atau mesin adalah digalakan, selain itu penyemburan racun rumpai (a.1. paraquat diclorida) dengan kadar bancuhan yang disyorkan oleh pengeluar/pembuat kimia berkenaan. Tujuannya ialah untuk mengawal pertumbuhan rumpai pada tempat yang dimaksudkan.
Kekerapan merumpai adalah sebanyak dua (2) pusingan setahun dan di antara masa yang sesuai.

7.3.10 Menebas anak-anak pokok liar

Anak-anak pokok liar yang tumbuh dalam kawasan ladang hendaklah ditebas dengan parang atau mesin yang sesuai. Kerja-kerja dilakukan sebanyak 2 pusingan setahun pada masa yang sesuai.

7.3.11 Penyenggaraan Jalan Ladang

Menutup/menampal jalan ladang (sepanjang 20 km) yang lecak/berlopak dengan tanah laterite atau batu baur sebanyak dua pusingan setahun. Tujuannya supaya jalan berkenaan sentiasa boleh digunakan sepanjang tahun bagi membawa keluar hasil ladang.

## 7.4 Kerja-kerja Penuaian/Mengangkut dan Memasar Hasil Ladang

7.4.1 Menuai, Mengangkut dan Memasarkan Hasil Ladang Kelapa Sawit

7.4.1.1 Menuai

Syarikat diminta supaya menggunakan peralatan yang sesuai untuk kerja-kerja menuai.

Pusingan antara masa menuai adalah antara 10-12 hari untuk mengelakkan terjadinya 'buah masak mala' manakala tandan buah masak mengikut standard PORIM sahaja yang boleh dituai.

7.4.1.2 Mengangkut Hasil

Tandan-tandan buah yang telah dituai hendaklah dihantar segera (dalam hari yang sama) ke kilang memproses dengan kenderaan pengangkut.

Tujuannya adalah untuk mendapatkan mutu serta berat buah maksima dari setiap tandan.

7.4.1.3 Memasarkan Hasil Tandan Buah

Kontraktor dibenar untuk memasarkan sendiri Tandan-tandan Buah Kelapa Sawit yang telah dituai kepada atau pengilang-pengilang tempatan setelah mendapat lesen dan kebenaran dari pihak berkuasa iaitu Lembaga Pendaftaran dan Perlesenan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORLA).

Walau bagaimanapun pemborong / Kontraktor / diminta melaporkan kepada UTM Jumlah Tonne yang dijual berserta dengan purata harga pada setiap bulan di dalam Laporan Bulanan.

7.4.2 Kerja-kerja menoreh, mengumpul dan memasarkan Kandungan Getah Kering (KGK)

7.4.2.1 Menoreh

Syarikat dibenarkan membuat torehan pada setiap pokok getah di dalam kawasan bagi tujuan mengeluarkan hasil cup lump dan skrap. Kaedah torehan yang dibenarkan adalah seperti sistem Torehan Harian Biasa (1/2 SD1) atau sistem torehan suku lilitan menaik dengan penggalak (/1/4 S2D/3 2.5%E). Walau bagaimanapun kerosakan pada bahagian kayu/barang pokok-pokok getah adalah perlu dihindarkan.

7.4.2.2 Mengangkut Hasil

Hasil getah dalam bentuk cup lump dan skrap hendaklah diangkut keluar dari ladang bagi tujuan pemerosesan selanjutnya atau pemasaran setelah mendapat lesen dan kebenaran dari pihak berkuasa Lembaga Getah Malaysia (LGM) Mengikut Akta Lembaga Getah Malayaia (LGM) 1996, Jenis Lasen A (i, ii).

Syarikat diminta melaporkan kepada UTM Jumlah Kg KGK yang dijual berserta dengan purata harga pada setiap bulan di dalam Laporan Bulanan.

7.5 Kerja-kerja perkhidmatan perekodan inventori pokok komoditi kelapa sawit dan getah di ladang UTM.

7.5.1 Syarikat hendaklah membuat kerja-kerja perekodan inventori pokok bagi komoditi kelapa sawit dan gerah di ladang UTM.

7.5.2 Borang pendaftaran hendaklah diserahkan kepada Pegawai Yang. Berkuasa bagi kelulusan.

7.5.3 Contoh borang pendaftaran adalah seperti pada **Lampiran 3**.

## KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Nama Syarikat | : | ............................................................................ | | |
| 2. | Alamat Syarikat | : | ............................................................................<br>............................................................................<br>............................................................................<br>............................................................................ | | |
| 3. | No Telefon dan No Faks | : | ............................................................................ | | |
| 4. | No. Pendaftaran Kementerian Kewangan (Sila sertakan salinan Sijil) | : | ............................................................................. | | |
| 5. | Tarikh Tamat Pendaftaran | : | ............................................................................. | | |
| 6. | Taraf Syarikat (Sila sertakan salinan sijil) | : | .............................................................................. | | |
| 7. | **LEMBAGA PENGARAH** | | **Nama**<br>i.<br>ii.<br>iii.<br>iv.<br>v. | **No. KP** | **Warganegara** |
| 8. | Nama Bank<br>Alamat Bank | :<br>: | .............................................................................<br>.............................................................................<br>.............................................................................<br>............................................................................. | | |
| 9. | Modal yang dibenarkan | : | ............................................................................. | | |
| 10. | Modal Berbayar | : | .............................................................................. | | |
| 11. | Kemudahan Overdraf | : | ............................................................................. | | |

12. **KOMPOSISI MODAL** : Bilangan pemegang saham mengikut jumlah unit saham

| | **Bilangan Pemegang** | **Jumlah Unit** | **%** |
|---|---|---|---|
| a) Bumiputra | | | |
| b) Bukan Bumiputra | | | |

13. **KOMPOSISI KAKITANGAN** :

| | | **Bumiputra** | **Bukan Bumiputra** | **Jumlah** |
|---|---|---|---|---|
| a) | Eksekutif | | | |
| b) | Teknikal | | | |
| c) | Perkeranian | | | |
| d) | Buruh/ Kakitangan rendah | | | |

14. **PENGALAMAN** : Senarai kerja-kerja yang telah disiapkan dalam tempoh tiga tahun kebelakangan

| Bil. | Nama Projek | Agensi Yang Mengawasi Projek | Harga (RM) | Tempoh | Tarikh Siap Sebenar |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | |

Senarai kerja-kerja yang sedang dilaksanakan

| Bil. | Nama Projek | Agensi Yang Mengawasi Projek | Harga (RM) | Tempoh | Tarikh Siap Sebenar |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | |

**Catatan :**

Sila kembarkan lampiran sekiranya jadual di atas tidak mencukupi. Kontraktor digalakkan memberi maklumat-maklumat selain dari di atas dan kembaran yang berkaitan bagi menerangkan pengalaman.

Dengan ini saya mengesahkan bahawa semua penerangan di atas adalah benar.

| | | |
|---|---|---|
| Tandatangan | : | ...................................... |
| Nama | : | ...................................... |
| Jawatan | : | ...................................... |
| Cop Syarikat | : | ...................................... |
| Tarikh | : | ...................................... |

…………………………………………………………
(Nama dan Alamat Syarikat)

…………………………………………………………

…………………………………………………………

…………………………………………………………

Tarikh:

Bendahari,

Universiti Teknologi Malaysia,

81310 UTM Johor Bahru, Johor.

Tuan,

Perkara : **Surat Perwakilan Kuasa**

**No. Sebut harga: TNCP/SEBUTHARGA/2023/01**

**PERKHIDMATAN PERLADANGAN BERKAITAN PENYELENGGARAAN, PENUAIAN DAN PEMASARAN HASIL GETAH DAN KELAPA SAWIT DI DALAM KAMPUS UTM JOHOR BAHRU**

Kami, …………………………………………… , no Pendaftaran Syarikat ……………… Dengan
(Nama Syarikat)
ini memberi kuasa kepada ……………………………….., no Kad Pengenalan: ……………………… no Telefon………………………….Email:…………………………….bagi mewakili syarikat dalam penyertaan sebut harga diatas.

2. Kami telah membaca dengan teliti butir-butir terkandung di dalam dokumen Sebut harga dan akan mematuhi sepenuhnya semua syarat-syarat terkandung.

Yang benar,

……………………………………………………………

(Tandatangan & Cop Syarikat)

Nama : ……………………………………………

Jawatan : ……………………………………..

No. Telefon : …………………………………..

Email: …………………………………………...

**SULIT**

**LAPORAN BANK/INSTITUT KEWANGAN MENGENAI KEDUDUKAN KEWANGAN PENYEBUTHARGA**

(Borang ini hendaklah dilengkapkan oleh pihak bank atau institusi kewangan lain dan diserahkan kepada Penyebut harga dalam satu sampul berlakri untuk disertakan bersama-sama sebut harganya sekiranya Penyebut harga mempunyai kemudahan kredit dengan Bank/Institusi Kewangan yang berkenaan)

Kepada : Bendahari
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Johor Bahru, Johor.

Nama Penyebut harga :

Tajuk Sebut Harga : **PERKHIDMATAN PERLADANGAN BERKAITAN PENYELENGGARAAN, PENUAIAN DAN PEMASARAN HASIL GETAH DAN KELAPA SAWIT DI DALAM KAMPUS UTM JOHOR BAHRU**

______________________________________________________________

__________

(A) Kemudahan Kredit yang boleh digunakan untuk perlaksanaan Sebut harga :
Kemudahan Kredit yang telah dilulus dan kemudahan kredit tambahan minimum yang layak diperolehi oleh penyebutharga adalah seperti berikut : -

| | Bentuk Kemudahan Kredit | Baki drp yang Telah diluluskan | Tambahan Minima Yang Akan Diluluskan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| (i) | Overdraf | RM | RM | RM |
| (ii) | Overdraf bercagar | RM | RM | RM |
| (iii) | Talian Kredit | RM | RM | RM |
| (iv) | Pinjaman Tetap yang akan/layak diperolehi untuk sebut harga | RM | RM | RM |
| | Jumlah | RM | RM | RM |

(B) <u>Ulasan-ulasan</u> mengenai kedudukan kewangan dan akaun penyebutharga :

Tandatangan untuk dan bagi pihak bank :______________________________

Nama Bank : ______________________
Nama Pegawai ______________________
Materi Bank :

Jawatan :__________________________

Tarikh :

**NO. SEBUT HARGA : TNCP/SEBUTHARGA/2023/01**

**SENARAI DAN KELAYAKAN KAKITANGAN TEKNIKAL**

| BIL. | NAMA | JAWATAN | KELAYAKAN DAN PENGALAMAN | TARIKH MULA BERKHIDMAT |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |

**UNTUK DIISI OLEH PENYEBUT HARGA**

**PERKHIDMATAN PERLADANGAN BERKAITAN PENYELENGGARAAN, PENUAIAN DAN PEMASARAN HASIL GETAH DAN KELAPA SAWIT DI DALAM KAMPUS UTM JOHOR BAHRU**

**NO. SEBUT HARGA : TNCP/SEBUTHARGA/2023/01**

1. Nama Jabatan : ……………………………………………………………………………………………………

2. Nama barangan dan deskripsi………………………………………………………………………………………………………………………………………………………………………………………………………………………………

3. Kuantiti barangan dan bentuk pembungkusan (pallet/crate/dram) Carton/box/beg/container (FCL/LCL)* : ……………………………………………………………………………………………

4. Jenis barangan : (bahaya/am/sensitif/lain-lain (nyatakan) * : ……………………………………………………………………………

5. Kelas IMO UN No. (jika barangan bahaya) ** : ……………………………………………………………………………………………

6. Butir-butir terperinci mengenai jumlah dan ukuran barangan yang telah siap dibungkus mengikut penghantaran : -

   6.1 Jumlah berat : …………………………………………………………………………………………………

   6.2 Jumlah/Dimension (total) (m3) : ………………………………………………………………………………………

   6.3 Tinggi/panjang/lebar (LBH) (cm/in) * perunit saiz : ……………………………………………………………………

   6.4 Memerlukan lesen eksport (ya/tidak) * : ……………………………………………………………………………

7. Bilangan penghantaran dan tarikh penghantaran :

   i) ……………………………………………………

   ii) ……………………………………………………

8. Butiran atau maklumat-maklumat lain (nyatakan) : ………………………………………………………………

9. Maklumat pembekal/agen luar negeri (tempat barangan akan diambil) : -

   i) Nama Pembekal/Agen : ……………………………………………………………………………………………

   ii) Alamat : ………………………………………………………………………………………………………………

   iii) Pegawai yang bertanggungjawab : …………………………………………………………………………………

   iii) No. Telefon/Faksimili : ……………………………………………………………………………………………

10. Kaedah Pembelian : (Ex-Work/FOB/FCA (lain-lain nyatakan) * : …………………………………………………………

11. Kaedah penghantaran utama (laut/udara/darat) * : ………………………………………………………………

Tandatangan :

Nama Pegawai :

Jawatan :

Nama/Alamat/No Tel. & Fax Syarikat :

Tarikh :

---

Mustahak : Penyebutharga hendaklah memastikan maklumat barangan yang diberikan adalah tepat dan lengkap bagi maksud sebutharga MTO. Kesilapan penyebutharga memberikan maklumat dengan betul boleh menyebabkan penyebutharga akan dipertanggungjawabkan membayar tambahan tambang yang dituntut oleh MTO.

* **potong yang mana tidak berkaitan**

** **Mesti diisi oleh penyebutharga**

**Nota :** Maklumat para 6 sahaja boleh dikemaskini semula oleh penyebutharga yang berjaya dalam tempoh tidak lewat dari tiga (3) hari dari tarikh setuju terima tawaran.

*SURAT AKUAN PEMBIDA*

**NO. SEBUT HARGA : TNCP/SEBUTHARGA/2023/01**

**PERKHIDMATAN PERLADANGAN BERKAITAN PENYELENGGARAAN, PENUAIAN DAN PEMASARAN HASIL GETAH DAN KELAPA SAWIT DI DALAM KAMPUS UTM JOHOR BAHRU**

Saya, ................................................................................................ nombor K/P :
*(Nama Wakil Syarikat)*
........................................................ yang mewakili
*(Nama Syarikat)*
.............................................................................................................................
*(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB).*
................ nombor pendaftaran.........................................................................dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Universiti Teknologi Malaysia atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Universiti Teknologi Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau

2.2 Penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan

2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Balai Polis yang berhampiran.

Yang benar

..................................

Nama:

No Kad Pengenalan:

Cop Syarikat :